

# Atlet memanah ungguli anugerah sukan UniSZA

## Dinobatkan olahragawan, olahragawati, bawa pulang hadiah wang tunai RM1,000



Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Riduan Mohd Arof turut menyampaikan hadiah kepada salah seorang atlet tenpin boling yang mengharumkan nama universiti dalam temasya yang disertai mereka.

■ ZUBIR SULAIMAN

KUALA TERENGGANU - Atlet sukan memanah mengungguli kategori utama Anugerah Kecemerlangan Sukan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2015/2016 yang berlangsung gilang gemilang di Dewan Perdana UniSZA, kelmarin.

Dua atlet memanah yang mewakili negara dalam Kejohanan Universiti Dunia (WUC) di Mongolia Jun lalu itu dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UniSZA 2015/2016 selepas mengetepikan saingan masing-masing.

Olahragawan menjadi milik Muhammad Shaiffudin Mohd Kamro, manakala, Azuanis Abdullah mendominasi kategori olahragawati.

Kedua-dua mereka menerima hadiah wang tunai RM1,000 berserta sijil penghargaan, blazer dan trofi yang disampaikan Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latif.

Lebih manis seorang lagi atlet memanah, Nur Aina Yasmine Halim turut dinobatkan selaku Olahragawati Harapan dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM500 beserta trofi dan sijil penghargaan, manakala, Muhammad Naim Mohd Nasir yang membantu pasukan bola sepak UniSZA muncul juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi diumumkan Olahragawan Harapan.



Pemenang anugerah utama Majlis Kecemerlangan Sukan UniSZA, Muhammad Naim (olahragawan harapan), Azuanis (olahragawati), Muhammad Shaiffudin (olahragawan) dan Nur Aina Yasmine (olahragawati harapan) meraikan kemenangan mereka.

Pasukan bolasepak UniSZA di bawah kendalian Zulharisham Awang pula meraih Pasukan Lelaki Terbaik selepas menjuarai Liga Bolasepak Divisyen 1, 2015, Juara Piala Masum 2015 dan Juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2016 dan Pasukan Terbaik Wanita pula dimenangi pasukan memanah (recurve).

Pada majlis itu juga, lima jurulatih iaitu Baharin Ismail (olahraga); Adnan Ahmad (memanah); Nik Shaifulruzaman Nik Ismail (boling padang); Nasree Najmi (karate-do) dan Zulharisham Awang menerima Anugerah Jurulatih Cemerlang.



Muhammad Shaiffudin menerima anugerah Olahragawan UniSZA 2015/2016 daripada Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latif.

Selain itu, lima lagi tulang belakang bidang sukan iaitu Muzafar Mohd Din (bola sepak); Hazwani Salleh (taekwando); Muhammad Ikram Radzuan (woodball); Nuril Anwar Musa (mendayung) dan Mat Yusof Mat Rani (bola tampar) diangkat selaku penerima Anugerah Pengurus Cemerlang.

### Iktiraf pencapaian atlet, kakitangan

Sementara itu, Ahmad Zubaidi berkata, anugerah diberikan itu bertujuan mengiktiraf pencapaian atlet dalam kalangan mahasiswa dan juga kakitangan UniSZA yang telah mencurahkan tenaga dan komitmen mereka bagi mengharumkan nama universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menurutnya, pihaknya berharap anugerah yang diberikan itu bukan sahaja menghargai keringat mereka, malah mampu memberi motivasi kepada atlet lain untuk turut cemerlang pada masa depan.

Dalam pada itu, bekas pelajar jurusan Reka Bentuk Industri, Muhammad Shaiffudin menyifatkan kejayaan meraih gelaran Olahragawan UniSZA adalah penghargaan tertinggi buatnya dalam sukan memanah dan menyifatkan satu suntikan semangat buatnya untuk mewakili negara pada temasya Sukan SEA tahun depan.

Katanya, buat masa ini dia masih dalam fasa latihan untuk menyertai program Kita Juara dan akan terus bekerja keras untuk melayakkan diri membawa cabaran negara pada Sukan SEA nanti.

"Sememangnya saya meletakan harapan tinggi untuk beraksi di Sukan SEA nanti dan kejayaan hari ini (kelmarin) menguatkan lagi semangat untuk memberikan aksi terbaik yang masih berbaki satu fasa lagi dijangka berlangsung tahun depan," katanya.

Manakala, bekas Olahragawati Harapan UniSZA tiga tahun lalu, Azuanis Abdullah mengakui gembira apabila berjaya meraih anugerah tertinggi (olahragawati) dalam sukan memanah yang disertainya sejak tingkatan satu itu.

Katanya, dia amat berterima kasih kepada pihak UniSZA kerana sentiasa memberi sokongan kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam bidang sukan bukan sahaja di peringkat universiti bahkan juga di peringkat antarabangsa.

"Insya-ALLAH dengan kejayaan ini, saya akan terus berusaha untuk mengharumkan lagi nama universiti pada masa akan datang dengan meraih lebih banyak pingat buat UniSZA sama ada di kejohanan kebangsaan mahupun di luar negara," katanya.



Pemain bolasepak UniSZA menyerahkan Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2016 yang dimenangi mereka kepada Ahmad Zubaidi sebagai simbolik kepada Majlis Kecemerlangan Sukan UniSZA 2015/2016 yang berlangsung di Dewan Perdana UniSZA, kelmarin.